KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	JPSM / PERHILITAN			

SH 28.1.2022 27
PERAK
PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Pembalakan ketika ini tak sesuai untuk harimau

TAIPING - Kegiatan pembalakan ketika ini dilihat tidak membantu dalam usaha meningkatkan populasi Harimau Malaya di negara ini.

Pengerusi Persatuan Taman-Taman Zoologikal dan Akuaria Malaysia (MAZPA), Dr Kevin Lazarus berkata, kawasan hutan simpan di negara ini jauh berbeza dengan 50 tahun lalu kerana pembalakan dibuat secara tebang habis.



DR KEVIN

Menurutnya, hutan-hutan yang ada kini ditukar menjadi ladang atau dilaksanakan pembangunan lain menyebabkan kawasan hutan menjadi semakin terhad untuk habitat harimau.

"Pada pandangan saya dari segi pembalakan ini, mungkin 50 tahun atau 60 tahun dulu di mana kita masih banyak hutan simpan yang dijaga dengan baik, selain pembalakan dilakukan secara selektif, bukan potong habis.

"Sekarang dah tidak sesuai untuk kita kata pembalakan itu bantu populasi harimau kerana kawasan hutan sudah menjadi terpencil dan kecil," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Zoo Taiping dan Night Safari (ZTNS), di sini pada Khamis.

Sementara itu, Kevin yang juga Pengarah ZTNS berkata, dalam membantu meningkatkan populasi Harimau Malaya ini, program pembiakan dalam kurungan telah dilakukan di zoo dengan kerjasama Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).



Tiga ekor harimau malaya yang berjaya dilahirkan di Zoo Taiping dan Night Safari.